

29 SEP 1998  
DASAR PRO-PERNIAGAAN/I  
KERAJAAN AKAN TERUSKAN DASAR PRO-PERNIAGAAN

JOHOR BAHRU, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa kerajaan akan meneruskan dasar pro-perniagaan bagi para pelabur jangka panjang.

Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa mengiktiraf hakikat bahawa pelaburan langsung asing (FDI) boleh memberi sumbangan besar bukan hanya kepada pembangunan sektor pengeluaran tetapi juga ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Justeru, Malaysia akan terus menggalakkan pelaburan langsung asing dalam sektor pengeluaran, katanya dalam ucapan yang dibacakan oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman di majlis perasmian Outokumpu Copper Products (M) Sdn Bhd di Pasir Gudang, dekat sini hari ini.

"Kehadiran sejumlah besar multinasional asing dan anak syarikat mereka adalah bukti kepada kejayaan kita dalam menyediakan suasana membantu untuk mereka bukan sekadar untuk menubuhkan operasi pengeluaran tetapi juga melabur semula keuntungan mereka menerusi pengembangan kilang-kilang sedia ada dan aktiviti pelbagaian kepada produk tambahan," katanya.

Dr Mahathir berkata aliran masuk pelaburan langsung asing ke dalam sektor pengeluaran negara ketika ini adalah ke dalam pelbagai industri termasuk industri produk logam bukan ferum.

Beliau juga berkata walaupun industri produk logam bukan ferum merangkumi pelbagai jenis produk, jenis produk berasaskan tembaga yang dikeluarkan di dalam negeri adalah terhad.

"Malaysia masih bergantung kepada bekalan asing bagi kebanyakan produk berasaskan tembaga. Oleh itu kami menyambut baik usaha sama baru oleh Outokumpu kerana projek itu akan membantu dalam penggantian import serta peningkatan eksport produk berasaskan tembaga dari Malaysia," kata Dr Mahathir.

Outokumpu Copper Products (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat yang berpangkalan di Finland, adalah kumpulan pengeluar logam yang terbabit dalam keseluruhan rangkaian pengeluaran logam asas, keluli kalis karat dan tembaga di seluruh dunia. Operasinya terdiri daripada penerokaan permulaan dan perlombongan bahan-bahan mentah bagi penapisan, fabrikasi dan pemasaran.

Jumlah pelaburan bagi kilang di Pasir Gudang adalah RM200 juta. Modal dibenar syarikat adalah RM120 juta dan modal berbayar RM78 juta.

Diperbadankan pada Januari 1997, produk utama Outokumpu adalah anod tembaga secara umum dan plat papan litar bercetak, bahagian tembaga dan profil yang digunakan sebagai penebat bagi aliran elektrik dalam aplikasi gear suis elektrik dan tiub tembaga bagi industri pendingin udara dan peti sejuk.

"Industri terbabit terus menarik sejumlah besar pelaburan modal," kata Dr Mahathir.

Pada 1997, sebanyak 14 projek diluluskan dalam sektor itu dengan jumlah pelaburan modal sebanyak RM366.8 juta. Pelaburan langsung asing menyumbang kepada RM54.3 juta.

Daripada Januari hingga Ogos tahun ini, tiga projek dengan jumlah pelaburan modal sebanyak RM257.4 juta diluluskan di mana daripada FDI berjumlah RM194 juta.

Perdana Menteri berkata pelaburan Finland dalam sektor pengeluaran Malaysia kurang ketara berbanding dengan negara-negara teknologi dan modal utama di Amerika Utara, Eropah dan Asia.

Pada akhir bulan lalu, 23 projek membabitkan pelaburan Finland berjumlah hingga RM700 juta telah diluluskan dalam sektor pengeluaran, katanya.

Kilang Outokumpu di Malaysia adalah pelaburan kedua di Asia selepas China.

Dr Mahathir berkata faktor sumbangan utama kepada kehadiran syarikat multinasional di Malaysia adalah kerana suasana pelaburan yang baik di negara ini.

Beliau berharap syarikat-syarikat Finland akan mencontohi langkah yang diambil oleh Outokumpu dan menganggap Malaysia sebagai pangkalan yang baik bagi pelaburan mereka ke rantau ini.

Dr Mahathir juga yakin syarikat berkenaan akan digalakkan untuk mengembang dan mempelbagaikan produk baru dan menggabungkan aktiviti tokokan nilai.

Ia akan sejajar dengan matlamat pengeluaran kerajaan di bawah Pelan Induk Perindustrian kedua (1996-2005), tambahnya.

Turut hadir di majlis itu adalah Duta Finland, Erkki Huittinen dan pengarah urusan Outokumpu Copper Products (M) Sdn Bhd, Pentti Jahi.

-- BERNAMA

MKO ZK MA